

# Kekal guna teknologi Huawei

[FOTO BERNAMA]

> Malaysia pasaran kecil, tak beri kesan terhadap syarikat besar

Daripada Veena Rusli di Tokyo

Malaysia komited untuk kekal menggunakan teknologi syarikat gergasi China, Huawei, walaupun menyedari wujud dakwaan pengintipan terhadapnya, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.


Perdana Menteri berkata, pasaran di Malaysia terlalu kecil untuk memberi kesan terhadap syarikat besar seperti Huawei.

“Kita tahu Huawei mempunyai kemampuan penyelidikan dan pembangunan yang jauh lebih besar berbanding Malaysia, maka kita akan memanfaatkan seberapa banyak teknologi mereka.”

“Ya, mungkin benar dakwaan ada pengintipan, tetapi apa sangat nak diintip di Malaysia? Malaysia negara terbuka.”


“Kalau ada pihak nak ceroboh, kita tak melawan, buang masa,” katanya dalam nada berseloroh pada sesi dialog dikendalikan Ketua Pengarang Ibu Pejabat Editorial Nikkei di Osaka, Sonoko Watanabe selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Masa Depan Asia (Persidangan Nikkei) 2019 di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, Amerika Syarikat (AS) dan negara Barat perlu mengakui negara Asia mampu hasilkan pro-



Kita tahu Huawei mempunyai kemampuan penyelidikan dan pembangunan yang jauh lebih besar berbanding Malaysia, maka kita akan memanfaatkan seberapa banyak teknologi mereka”

*Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri*



duk berdaya asing dan tidak wajar mengancam pesaing.

“Saya sedar Huawei semakin mengatasi perkembangan teknologi AS.”

## AS perlu bersaing

“Dalam hal ini, AS perlu bersaing. Ada kalanya China lebih baik, ada kalanya AS lebih baik,” katanya menambah, tekanan AS ke atas Huawei dan penghantaran kapal perang ke Laut China Selatan memberi gambaran AS lebih berminat bersaing dengan China.

“Realitinya, kita mesti mene-

rima AS tidak boleh kekal menjadi negara terkuat di dunia atau memiliki teknologi terbaik di dunia,” katanya.

Menyarankan AS dan China wajar menilai perbezaan dan menyelesaikannya secara matang, Dr Mahathir ketika ditanya mengenai pandangan Barat bahawa China boleh menjadi negara demokratik, berkata apa yang perlu dilakukan ialah memahami perbezaan sistem dan membentuk jalinan hubungan tersendiri.

“China sudah banyak berubah dan lebih terbuka. China sekarang tidak sama dengan ketika era Mao Tze Tung. Maka kita yakinkan semua pihak bahawa dagangan terbuka bakal menguntungkan semua pihak di Timur dan Barat,” katanya.

Mengulas isu sama pada sidang media bersama Kelab Korresponden Asing Jepun (FCCJ) selepas itu, Dr Mahathir berkata, prasangka AS terhadap Huawei adalah asas untuk menekan, sedangkan apa yang patut dilakukan ialah bersaing da-

lam bidang dikuasai.

Dalam nada bersahaja, tetapi serius, beliau menyifatkan perang perdagangan AS dan China sebagai ‘bodoh’ serta mengganggu pertumbuhan banyak negara, terutama China yang mempunyai kira-kira 1.4 bilion penduduk dan masing-masing produktif menyumbang terhadap kerancakan ekonomi.

“Kami tidak mahukan perang ini, tetapi terpaksa menerimanya kerana kami turut terkesan sedangkan kemakmuran China baik untuk Malaysia. Pada masa sama, hubungan baik dan kerjasama dengan AS juga perlu dipelihara,” katanya.

Menegaskan banyak pihak curiga terhadap China ketika ia miskin sebelum lebih digeruni selepas menggunakan wang untuk memperkasakan kedudukannya, Dr Mahathir meramalkan China bakal muncul kuasa besar dengan pasaran luas, malah mampu berdagang dalam negara untuk menjana ekonominya dengan kukuh.